

03 JUN 1999

BRITISH-LAWATAN

KETUA BRITISH AIRWAYS AKAN LAWAT MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 3 Jun (Bernama) -- Pengerusi British Airways Lord Marshall dan wakil daripada beberapa syarikat utama British akan melawat Malaysia bermula 7 hingga 9 Jun ini, kata Suruhanjaya Tinggi British dalam satu kenyataan, di sini, hari ini.

Lawatan itu berpusat di Kuala Lumpur di mana Marshall akan bertindak sebagai duta bagi komuniti perniagaan British, kata Suruhanjaya Tinggi itu.

Beliau dijangka akan mendapatkan kefahaman menyeluruh mengenai peluang pelaburan dan perniagaan yang tersedia di Malaysia ketika ini dan akan membawanya kepada perhatian pihak berkaitan selepas kembali ke UK.

Marshall dijadualkan menemui Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Menteri Kewangan Kedua Tun Daim Zainuddin, Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik dan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz.

Beliau juga akan memberi ucapan di majlis makan tengah hari bulanan Persatuan Perdagangan dan Industri Malaysia British, yang tidak lama lagi akan dikenali sebagai Dewan Perniagaan British Malaysia, yang akan dihadiri oleh ahli perniagaan asing dan pegawai kanan tempatan.

Lawatan itu diatur oleh Suruhanjaya Tinggi British untuk memperkenalkan industri British secara keseluruhannya. -- BERNAMA

LES ZK MA